

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

**SWM KASIH BERSAMA LIONS CLUB KUALA LUMPUR (HOST)
MENYUMBANG DAN MERAIKAN ANAK-ANAK YATIM**

SEREMBAN, 19 DISEMBER 2020 – SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) melalui entiti tanggungjawab sosial korporatnya, SWM Kasih, bekerjasama dengan Lions Club of Kuala Lumpur (Host) (Kelab Lions KL Host) untuk mencerikan 22 orang anak-anak yatim piatu di Pusat Jagaan Pertubuhan Kebajikan Kanak-Kanak Seremban dengan menyampaikan sumbangan sempena sambutan perayaan Hari Natal serta permulaan sesi pelajaran yang baru tidak lama lagi.

“Sumbangan tunai dan barangan keperluan harian serta hamper Krismas diberikan kepada anak-anak yatim di pusat jagaan tersebut,” kata Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Tuan Haji Mohd Norlisam Bin Haji Mohd Nordin.

Tambah beliau lagi, SWM Environment sentiasa terbuka untuk bekerjasama dengan mana-mana badan bukan kerajaan dalam usaha membantu keperluan komuniti setempat dengan menghulurkan bantuan terutamanya ketika musim perayaan yang bakal tiba tidak lama lagi.

Menurut Presiden Kelab Lions KL Host Tony Choe, “Salah satu tujuan utama Lions Club dalam pendekatan khidmat masyarakatnya adalah untuk mengambil minat aktif dalam kesejahteraan masyarakat, budaya, sosial dan moral masyarakat.

Oleh yang demikian, sumbangan Kelab Lions KL Host dengan kerjasama program SWM Kasih SWM Environment datang dengan harapan agar dapat membawa kegembiraan kepada anak-anak yatim di Pusat Jagaan Pertubuhan Kebajikan Kanak-Kanak Seremban ini walaupun terpaksa menyambut perayaan pada tahun ini dalam keadaan wabak COVID-19 yang sedang melanda negara kini.

Tambah beliau lagi, juga diharapkan agar sumbangan wang tunai yang telah diberi kepada setiap anak-anak yatim tersebut dapat membantu sedikit sebanyak bagi anak-anak untuk membeli bahan bacaan ataupun keperluan lain untuk terus belajar dengan tekun tak kira sama ada belajar sendiri di pusat jagaan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ini, ataupun untuk membuat penyediaan bagi pembukaan sekolah bila ia kembali beroperasi.

Selain itu, anak-anak yang berusia diantara 5 tahun hingga 18 tahun di pusat jagaan tersebut turut dididik untuk melaksanakan amalan kitar semula melalui program KITARecycle, lalu mendapat ganjaran setiap kali mereka mengasingkan sampah mereka dan mempraktikkan kitar semula. Mata ganjaran yang diperolehi seterusnya boleh ditukarkan kepada bentuk wang tunai melalui pemindahan terus ke akaun dana pusat jagaan.



Pihak SWM Environment percaya, dengan menerapkan pendidikan dari kecil untuk menjadikan amalan kitar semula sebagai sebahagian daripada amalan gaya hidup terkini dapat membuahkan hasil dalam mewujudkan generasi yang peka terhadap kesedaran penjagaan alam sekitar yang lestari dan mapan.

Orang ramai yang berminat untuk menyertai program KITAREcycle boleh melayari laman web www.kitarecycle.com dan mendaftar terus secara percuma.

- TAMAT -

FAKTA

SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) telah dilantik pada tahun 1995 di bawah perjanjian konsesi di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara 2007, yang bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

SWM Environment mempunyai tenaga kerja seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara aktif memberi sokongan padu kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Di Punca (SAS), kitar semula dan pengomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjaran, KITAREcycle di tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan terima mata ganjaran untuk 25 jenis barangan kitar semula termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle dari *Google Play*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

LIONS CLUB OF KUALA LUMPUR (HOST)

Lions Clubs International adalah organisasi bukan kerajaan antarabangsa (INGO) yang terbesar di dunia. Sejak ia ditubuhkan pada tahun 1917, terdapat lebih daripada 1.4 juta ahli dari lebih 48,000 kelab yang berkhidmat di 200 negara dan kawasan geografi seluruh dunia. **Lions Club of Kuala Lumpur (Host)** (**Kelab Lions KL Host**) adalah Kelab Lions yang pertama di Malaysia dan telah berpiagam pada 18 Februari 1959, tidak lama selepas Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

Antara projek-projek khas jangka masa panjang Kelab Lions KL Host adalah seperti projek amal tahunan '**White Cane Day**' untuk orang buta, projek harian '**Feed the Hunger**' untuk murid-murid dari SMK Cochrane dan SMJK Kuen Cheng 2 mengikut sesi persekolahan, program '**Limbs for Life**' yang menawarkan anggota badan tiruan secara percuma kepada orang yang kurang berkemampuan, dan Kelab Lions KL Host juga telah menerajui pembentukan Pusat Dialisis **Kuala Lumpur Lions Renal Centre** yang menawarkan rawatan dialisis bersubsidi kepada pesakit-pesakit kegagalan ginjal dari golongan berpendapatan rendah.

Di samping itu, projek-projek khidmat komuniti yang dijalankan oleh Kelab Lions KL Host turut merangkumi peningkatan infrastruktur keselamatan dan persekitaran seperti menaja pembinaan jejantas, perhentian bas, taman permainan kanak-kanak, memberi bantuan pendidikan, rawatan untuk orang tua/orang kurang upaya (OKU)/anak yatim, program kesedaran penyalahgunaan dadah, dan program kesihatan seperti pemeriksaan kesihatan secara percuma dan kempen lari atau berjalan untuk memupuk gaya hidup sihat.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi :

Puan Nurul Liza Binti Mohd Najib

Penolong Pengurus, Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd.

(Tel) 06-6014280/ 012-684 7168

(Emel) nurulliza.najib@swmsb.com